

# ROMBONGAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI TADIKA DAN TAMAN ASUHAN KANAK- KANAK (TTAUITM) KE PTAR PKEJ

13 SEPTEMBER 2023

Disediakan oleh: Rizana Mohd Radwan

**BULETIN**  
**IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
PER. KEJURUTERAAN SHAH ALAM



Pada 13 September 2023 (Rabu), Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan (PKEJ) telah berbesar hati menerima rombongan Lawatan sambil belajar seramai 33 orang pelajar cilik dan 3 orang guru dari Tadika dan Taman Asuhan Kanak- Kanak (TTAUiTM) Universiti Teknologi MARA. Lawatan sambil belajar merupakan aktiviti luar kelas yang dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar meneroka dunia persekitaran luar bersama guru dan rakan sebaya.

Rombongan disambut dengan meriah oleh staf Perpustakaan dan jelas kelihatan diwajah kanak-kanak tersebut, kegembiraan dan keterujaan apabila sampai ke ruang legar perpustakaan. Puan Rizana Mohd Radwan selaku Ketua Perpustakaan Kejuruteraan telah memberi taklimat ringkas bersesuaian dengan kefahaman dari pelajar cilik tersebut. Turut mengiringi rombongan adalah Guru Besar TTAUiTM iaitu Cikgu Miera, Cikgu Fie dan Cikgu Ina. Program 2 jam ini dijalankan pada musim cuti semester dan tiada pengunjung pada waktu tersebut.

Pihak PKEJ telah menyediakan beberapa aktiviti pembelajaran yang bersifat pembelajaran sepanjang hayat. Antaranya adalah pertandingan mewarna bertemakan Hari Kemerdekaan, pintar Bahasa, pertandingan bercerita dan sembang santai. Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Membaca.

